**LEE YUEN SAN**

**lwn.**

**TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA & YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
RAMLY ALI PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-02-2001]
21 MEI 2001

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 - Seksyen 6(1)(a) - Sama ada ingredien-ingredien Akta tersebut dipenuhi dan dipatuhi*

***PROSEDUR JENAYAH:*** *Habeas corpus - Bab XXXVI Kanun Prosedur Jenayah - Sama ada dakwaan-dakwaan pemohon berasas*

Ini adalah satu permohonan untuk writ *habeas corpus* dan kebebasan daripada penahanan di pusat rawatan dan pemulihan. Permohonan disokong oleh afidavit pemohon sendiri dan fakta-fakta yang terkandung di dalam afidavit tersebut disahkan benar oleh peguam persekutuan dan tidak dipertikaikan. Pemohon diperintahkan oleh majistret supaya menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti Gambang, Kuantan, Pahang. Pemohon mendakwa bahawa perintah majistret adalah salah di sisi undang-undang kerana gagal mematuhi peruntukan spesifik dan mandatori yang dinyatakan di dalam Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('Akta tersebut').

**Diputuskan:**

**[1]** Penahanan di bawah Akta tersebut merupakan penahanan pemulihan yang mengutamakan kepentingan dan kebaikan individu itu sendiri dan bertujuan untuk memberi peluang kepada penagih dadah untuk menjalani rawatan dan pemulihan. Walaupun mahkamah tidak harus mengambil kira perkara-perkara yang remeh untuk membatalkan sesuatu perintah akan tetapi mahkamah perlu berpuashati bahawa kehendak-kehendak asasi yang penting dibawah Akta tersebut telah di penuhi dengan tepat. (ms 282 a-c & 283 d)

**[2]** Bukti-bukti menunjukkan bahawa pemohon telah menjalani ujian-ujian yang perlu dibawah s. 3 ataupun 4 Akta tersebut untuk menentukan bahawa beliau seorang adalah penagih dadah. Malahan pemohon sendiri melalui afidavitnya mengakui bahawa beliau telah dibawa berjumpa

dengan doktor semasa dalam tahanan. Lagipun pemohon disahkan sebagai seorang penagih dadah oleh seorang pegawai perubatan hospital daerah. (ms 284 g)

**[3]** Sebaik sahaja ujian-ujian untuk menentukan sama ada pemohon seorang penagih dadah dijalankan, pemohon telah dibawa kehadapan majistret selaras dengan peruntukkan Akta tersebut. Rekod prosiding membuktikan bahawa pegawai pemulihan telah mengesyorkan supaya pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di pusat pemulihan dan selepasnya diletakkan dibawah pengawasan seorang pegawai sepertimana diperuntukkan dibawah Akta tersebut. Selaras dengan s. 6 Akta tersebut yang terpinda laporan pegawai pemulihan tidak perlu diserahkan salinannya kepada pemohon. (ms 285 b-e)

**[4]** Rekod prosiding menunjukkan dengan jelas bahawa pemohon telah diberi segala peluang untuk membuat representasi tetapi beliau memilih untuk membela diri tanpa menggunakan haknya untuk perkhidmatan peguam. Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa pemohon telah meminta khidmat jurubahasa Cina kerana tidak faham Bahasa Melayu. Lagipun sejauh prosiding ini pemohon tidak menimbulkan perkara ini. (ms 285 f)

**[5]** Justeru, jelas bahawa majistret telah mematuhi semua peruntukkan-peruntukkan yang perlu dan alasan-alasan oleh pemohon tidak berasas dan tidak dapat diterima untuk membantu pemohonan beliau. (ms 285 g)

*[Notis usul untuk writ habeas corpus ditolak.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Ahmad Bashid Abdul Malek v. Timbalan Menteri Dalam Negeri [1999] 3 CLJ 745*

*Ang Jin Lee v. PP [1991] 1 MLJ 498* ***(dirujuk)***

*Chew Kam Sing v. Ketua Institusi Pusat Pemulihan Kampung Selamat & Ors (unreported)* ***(dirujuk)***

*Hoo Thian Siong v. PP [1988] 1 CLJ 176; [1988] 1 CLJ (Rep) 583* ***(dirujuk)***

*Loi Hing Chai v. Ketua Komandan Pusat Pemulihan Serenti, Sungai Petani Kedah [1999] 3 AMR 2896* ***(dirujuk)***

*Mahmod Jaudin v. Penguasa Serenti Sungai Besi Selangor [1996] 3 AMR 2920* ***(dirujuk)***

*Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor v. Gurdeep Singh Atma Singh [2000] 2 CLJ 433* ***(dikuti)***

*Mohd Shahriman Mohd Khairil v. PP & Anor [1998] 2 CLJ 855* ***(dirujuk)***

*Re Roshidi Mohamed [1988] 2 MLJ 193* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**

Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, ss. 3, 4(1)(b), 5, 6(1)(a)

*Bagi pihak pemohon - Richard Bong Chong Fook; M/s Bong & Co*
*Bagi pihak responden - Wan Abdul Razak Wan Husin*

*Dilaporkan oleh Mariette Peters-Goh*

## PENGHAKIMAN

**Ramly Ali PK:**

Melalui notis usul (kandungan 3), pemohon memohon satu perintah untuk mendapatkan writ *habeas corpus* dan dibebaskan daripada penahanannya di Pusat Serenti Gambang, Kuantan, Pahang berdasarkan satu perintah yang dibuat oleh Majistret Jerantut, Pahang pada 28 Mac 2001 di bawah peruntukan s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Permohonan tersebut disokong oleh afidavit pemohon sendiri yang diikrarkan pada 29 Mac 2001 (kandungan 3A).

Fakta yang relevan mengenai kes tersebut adalah seperti yang terkandung di dalam afidavit (kandungan 3A) dan ekshibit-ekshibit yang berlampir dengannya. Peguam Persekutuan, Encik Wan Abdul Razak Wan Husin, bagi pihak responden-responden, mengesahkan di awal penghujahan beliau bahawa semua fakta yang terkandung di dalam ekshibit-ekshibit yang berlampir kepada afidavit pemohon (kandungan 3A) adalah benar dan tidak dipertikaikan. Beliau akan hanya membuat hujahan berdasarkan peruntukan undang-undang di dalam membantah permohonan ini.

**Fakta Kes**

Pemohon, seorang lelaki berumur 31 tahun, telah ditangkap oleh polis pada 2 Mac 2001 dan ditahan di Balai Polis Jerantut; dan seterusnya ditahan untuk tempoh 14 hari atas perintah Majistret Jerantut, untuk menjalani ujian-ujian yang perlu untuk menentukan samada beliau seorang penagih dadah atau tidak. Beliau telah dibawa bertemu seorang Pegawai Perubatan Kerajaan, Hospital Daerah Jerantut di mana ujian air kencing telah dijalankan. Melalui Borang 2, Pegawai Perubatan berkenaan telah memperakui bahawa pemohon adalah seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta berkenaan dengan catitan "AIR KENCING ADA MENGANDUNGI MORFIN". Pada 28 Mac 2001 pemohon telah dibawa sekali lagi di hadapan Majistret Jerantut, di mana berdasarkan syor yang dibuat oleh Pegawai Pemulihan di dalam lapurannya, majistret berkenaan telah memerintahkan pemohon menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti Gambang, Pahang selama tempoh dua tahun; dan selepas itu menjalani pengawasan selama tempoh dua tahun dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Borang 3, mengikut s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Melalui notis usul yang dikeluarkan pada 4 April 2001 (kandungan 1) pemohon memohon writ *habeas corpus* di atas alasan-alasan berikut:

(i) Pemohon tidak ditanya dan diberi peluang atau pun dimaklumkan bahawa beliau berhak membuat representasi melantik peguambela untuk mewakilinya dan tidak ada jurubahasa Cina disediakan kerana beliau tidak faseh dan tidak faham Bahasa Melayu;

(ii) Pegawai Perubatan telah gagal untuk mencatatkan dalam Borang 2, jenis dadah berbahaya yang digunakan oleh pemohon, yang menyebabkan beliau menjadi penagih dadah;

(iii) Jenis dadah dalam rekod penggunaan dadah seperti dalam Laporan Pegawai Pemulihan adalah bercanggah dengan Perakuan Tentang Penagihan Dadah oleh Doktor dalam Borang 2;

(iv) Pemohon mendakwa tidak dihantar ke hospital yang berdekatan sepanjang tempoh tahanan (5 Mac 2001 hingga 16 Mac 2001) untuk menjalani ujian-ujian yang diperlukan untuk menentukan samada beliau adalah seorang penagih dadah tetapi ditahan di Lokap Balai Polis Jerantut dan hanya berjumpa dengan doktor sekali sahaja, itu pun hanya seketika sahaja iaitu lebih kurang lima minit;

(v) Rumusan dan syor Laporan Pegawai Pemulihan Dadah tidak dibaca dan diterangkan kandungannya kepada pemohon serta laporan tersebut tidak diserahkan mengikut peruntukan perundangan.

Oleh itu pemohon mendakwa bahawa perintah majistret tersebut adalah salah di sisi undang-undang kerana gagal mematuhi peruntukan spesifik dan mandatori yang dinyatakan di dalam ss. 3, 4, 5 dan 6 Akta tersebut.

**Undang-Undang Yang Berkaitan**

Seksyen 3 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta tersebut) memberi kuasa kepada Pegawai Pemulihan atau Pegawai Polis yang berpangkat tidak kurang daripada Sarjan atau Pegawai Polis yang mengetuai Balai Polis, untuk menangkap (take into custody) mana-mana orang yang disyaki secara munasabah sebagai seorang penagih dadah dan boleh menahan orang tersebut bagi tempoh tidak melebihi 24 jam untuk tujuan menjalani ujian untuk menentukan samada orang itu penagih dadah atau tidak. Di bawah s. 4(1)(b) pula orang itu boleh ditahan bagi tempoh lanjutan, tidak melebihi 14 hari dengan perintah seorang majistret untuk tujuan ujian yang sama sekiranya ujian tersebut tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Majistret mesti (shall) membuat perintah tersebut sekiranya disyorkan sedemikian oleh Pegawai Pemulihan. Di bawah s. 5

pula, orang yang ditahan itu hendaklah mematuhi semua arahan Pegawai Pemulihan dan Pegawai Perubatan untuk melaksanakan ujian yang diperlukan.

Seksyen 6 menyentuh tentang kuasa majistret untuk membuat perintah supaya orang berkenaan menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Serenti selama dua tahun dan/atau menjalani pengawasan oleh Pegawai Pemulihan atau Pegawai Polis bagi tempoh dua hingga tiga tahun. Permohonan pemohon dalam kes ini lebih berkisar kepada penuntukan s. 6(1) Akta tersebut yang menyatakan:

> 6.(1) Where a person who has undergone the tests referred to in section 3 or 4 and, in consequence of such tests, is certified by a government medical officer or a registered medical practitioner to be a drug dependant, the officer shall produce him, or cause him to appear before a Magistrate, and the Magistrate shall upon the recommendation of a Rehabilitation Officer and after giving such person an opportunity to make representations:
>
> (a) order such person to undergo treatment and rehabilitation at a Rehabilitation Centre Specified in the order for a period of two years and thereafter to undergo a supervision by an officer at the place specified in the order for a period of two years; or
>
> (b) order such person to undergo supervision by an officer at the place specified in the order for a period of not less than two and not more than three years.

Seksyen 6 Akta tersebut telah dipinda melalui P.U.A. 1018/98 yang berkuatkuasa pada 1 September 1998.

Terdapat banyak kes-kes otoriti di negara ini mengenai permohonan writ *habeas corpus* yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah. Kes-kes tersebut adalah di bawah beberapa perundangan yang berkaitan umpamanya Public Order and Prevention of Crimes (Procedure) Rules 1972, Restricted Residence Enactment 1933, Emergency (Public Order and Prevention of Crime) Ordinance 1969, dan sejak kebelakangan ini di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983. Walau bagaimanapun, perlu diingati bahawa latar belakang serta objektif sesuatu permohonan seorang individu di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah berbeza dengan objektif permohonan di bawah undang-undang lain yang disebutkan di atas. Penahanan di bawah undang-undang tersebut adalah merupakan "Penahanan Pencegahan (Preventive Detention)" yang lebih merupakan pencegahan kegiatan jenayah dan keselamatan negara. Oleh itu, mahkamah sememangnya mengambil langkah yang lebih ketat dan berwaspada untuk menentukan peruntukan undang-undang yang berkaitan

dipatuhi sepenuhnya oleh pihak eksekutif sebelum sesuatu penahanan dibuat terhadap seseorang individu – semata-mata untuk menentukan hak kebebasan seseorang individu tidak tercemar. Sebaliknya, penahanan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 adalah merupakan "Penahanan Pemulihan (Rehabilitative Detention)" lebih untuk kepentingan dan kebaikan diri individu itu sendiri – iaitu untuk membolehkan individu berkenaan, yang merupakan seorang penagih dadah menjalani rawatan dan pemulihan. Oleh itu pendekatan yang diambil oleh mahkamah di dalam kes-kes yang melibatkan penahanan di bawah Akta tersebut patut berbeza dengan pendekatan yang diambil di dalam kes-kes di bawah perundangan yang lain. Di dalam konteks ini saya amat bersetuju sekali dengan pandangan Kang Hwee Gee H, di dalam kes *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor v. Gurdeep Singh Atma Singh* [2000] 2 CLJ 433, di mana beliau telah mengatakan:

> The new s. 6 of the Act brought the objective of the Act, namely the treatment and rehabilitation of drug dependents, into sharp focus. That being so, there is now a need to treat an application for *habeas corpus* against a detention made thereunder differently from those involving preventive detention *per se*: This must be so, as preventive detention involves the exercise of special powers under laws promulgated under Part XI of the Federal Constitution against subversion, organised violence and crimes prejudicial to the public – where the court takes upon itself to scrutinise each and every step taken by the detaining authority to ensure that the detention is free from procedural *ultra vires* – whereas rehabilitative detention under s. 6 is undertaken primarily for the well-being of the drug dependant himself. It follows that, to the extent that purely technical defects are allowed to invalidate a preventive detention order, the same should not apply to a rehabilitative detention order made by a magistrate under the amended s. 6(1) of the Act. The applicant's challenge on the legality of the rehabilitative detention herein, consequently, should be limited only to such direct defects as would make the detention unsustainable. And the court too must adopt an objective approach and examine whether any inconsistency or any perceived impropriety made by the Magistrate could be condoned, without so much as having to compromise on the legality of the detention itself.
>
> To apply the same stringent criteria to issue *habeas corpus* against rehabilitative detention order made by a Magistrate under the Act as one would in preventive detention made under special powers would undermine its social objective of treating and rehabilitating drug dependants – an act which this court must refrain from doing unless the order made is from the objective stand point legally unsustainable.

Walaupun pendekatan yang digunakan bagi kes-kes penahanan pemulihan di bawah Akta tersebut patut berbeza dengan kes-kes penahanan pencegahan di bawah undang-undang khas berkenaan, namun demikian ini tidak bermakna permohonan *habeas corpus* bagi penahanan pemulihan tersebut tidak boleh dibenarkan. Sejak kes *Re Roshidi bin Mohamad* [1988] 2 MLJ 193 Mahkamah Tinggi di Alor Setar telah membenarkan permohonan *habeas corpus* bagi kes-kes sedemikian di bawah Akta tersebut. Keputusan tersebut telah diterima oleh Mahkamah Agong di atas rayuan. Sehubungan itu pada tahun 1999, Mahkamah Rayuan juga telah mengesahkan keputusan sedemikian di dalam kes *Loi Hing Chai v. Ketua Komandan Pusat Pemulihan Serenti, Sungai Petani Kedah* [1999] 3 AMR 2896 dan kes *Ahmad Bashid bin Abdul Malek v. Timbalan Menteri Dalam Negeri* [1999] 3 CLJ 745. Mahkamah masih lagi berfungsi untuk meneliti sesuatu perintah yang dibuat oleh majistret di bawah s. 6 Akta tersebut sebenarnya mematuhi kehendak-kehendak asasi yang penting di bawah seksyen tersebut. Mahkamah tidak perlu mengambil berat tentang perkara-perkara yang remeh temeh untuk membatalkan sesuatu perintah yang dibuat oleh majistret di bawah seksyen tersebut.

Kesilapan kecil yang berbentuk teknikal tidak patut digunakan untuk tujuan itu. Ianya boleh dimaafkan di bawah maxim *de minimis non curat rex* (the law does not concern itself with trifles). Dalam masa yang sama, mahkamah patut membatalkan perintah tersebut dan membenarkan writ *habeas corpus* sekiranya berpuashati majistret gagal mematuhi kehendak-kehendak asasi yang penting di bawah seksyen tersebut semasa membuat perintah berkenaan. Ini selaras dengan apa yang pernah disuarakan oleh Hashim Yeop Sani SCJ di dalam kes *Ang Jin Lee v. PP* [1991] 1 MLJ 498 (di ms 501).

> We appreciate that the provision of s. 6 of the Act, is penal in character in the sense that a person can be ordered to reside in a rehabilitation centre for two years to undergo treatment probably against his will. At the same time we also appreciate that it is a provision designed for the rehabilitation of drug dependants. It is a social legislation of sort. But we must not forget however that the same legislation confers summary powers on the Magistrate and can seriously affect the freedom of an individual.

Sifat keperihatinan Hashim Yeop Sani SCJ ini diluahkan berdasarkan peruntukan s. 6 Akta tersebut sebelum pindaan yang berkuatkuasa pada 1 September 1998. Mahkamah patut lebih prihatin sekarang ini (ie, selepas pindaan kepada s. 6) kerana dengan pindaan tersebut kuasa sebenar yang membolehkan seseorang individu ditahan di bawah seksyen itu adalah juga di tangan Pegawai Pemulihan melalui syornya yang dibuat kepada majistret. Oleh itu adalah menjadi tugas mahkamah untuk meneliti sama untuk

menentukan Pegawai Pemulihan telah melaksanakan tugasnya dengan betul dan sah di sisi undang-undang di dalam menyediakan laporannya dan membuat syor kepada majistret.

**Ingredien Di bawah Seksyen 6(1)**

Sebelum majistret boleh melaksanakan kuasanya di bawah s. 6, Akta tersebut ingredien-ingredien yang perlu dipenuhi dan dipatuhi terlebih dahulu adalah seperti berikut:

(i) orang berkenaan hendaklah telah menjalani ujian-ujian di bawah ss. 3 atau 4;

(ii) orang itu telah disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan Berdaftar, sebagai penagih dadah (drug dependant);

(iii) orang itu dibawa kehadapan majistret;

(iv) Pegawai Pemulihan telah memberi syor tentang perintah berkenaan; dan

(v) orang itu diberi peluang untuk membuat representasi sebelum perintah dibuat.

Kesemua ingredien-ingredien di atas perlu dan mesti dipenuhi dan dipatuhi sepenuhnya sebelum majistret membuat perintah. Inilah ciri-ciri penting yang perlu diteliti oleh mahkamah di dalam permohonan untuk mendapatkan writ *habeas corpus* terhadap penahanan berkenaan.

**Permohonan Dalam Kes Ini**

Di peringkat ini adalah perlu untuk meneliti samada kesemua ingredien-ingredien di atas telah dipenuhi sebelum majistret berkenaan mengeluarkan perintah di bawah s. 6(1) Akta tersebut.

Bagi ingredien (i), terdapat bukti-bukti yang sah (yang boleh diterima) menunjukkan pemohon telah menjalani ujian-ujian yang perlu samada di bawah s. 3 atau 4, untuk menentukan bahawa seorang penagih dadah. Borang-borang (eks. "LYS3") iaitu Perakuan Tentang Penagihan Dadah oleh Pegawai Perubatan Hospital Daerah Jerantut jelas mengesahkan bahawa pemohon telah menjalani ujian-ujian yang perlu untuk tujuan tersebut. Borang 1 (eks. "LYS5"), majistret telah memerintah penama ditahan di lokap IPD Jerantut dari 5 Mac 2001 hingga 16 Mac 2001 untuk menjalani ujian-ujian berkenaan. Borang Permintaan Untuk Pengesahan Dadah Dalam Air Kencing (eks. "LYS6") juga membuktikan ujian air kencing pemohon telah dijalankan. Malahan pemohon sendiri di dalam perenggan 5(iv) afidavitnya (kandungan 3A) mengakui bahawa beliau ada dibawa berjumpa dengan doktor semasa dalam tahanan (walaupun untuk lima minit sahaja).

Bagi ingredien (ii) pula, melalui Borang 2 (eks. "LYS3") Dr. Manjit Kaur a/p Jai Singh, Pegawai Perubatan Hospital Daerah Jerantut, telah mengesahkan bahawa, hasil daripada ujian-ujian yang telah dijalankan, adalah didapati pemohon merupakan seorang penagih dadah (drug dependant).

Untuk memenuhi ingredien (iii) pula, terdapat bukti yang menunjukkan pemohon telah dibawa ke hadapan majistret selepas ujian-ujian berkenaan dijalankan. Rekod prosiding yang diekshibitkan di dalam eks. "LYS2" jelas membuktikan ingredien ini. Pemohon telah dibawa kehadapan majistret sebanyak dua (2) kali iaitu pada 16 Mac 2001 (tetapi laporan perubatan belum siap) dan seterusnya pada 28 Mac 2001 di mana perintah di bawah s. 6(1)(a) Akta tersebut telah dibuat oleh majistret selepas menimbangkan laporan perubatan yang berkenaan.

Bagi ingredien (iv) pula, rekod prosiding (eks. "LYS2") juga menunjukkan Pegawai Pemulihan telah membuat syor yang diperlukan melalui laporannya yang diekshibitkan sebagal "LYS4". Mengikut perenggan 5, laporan tersebut Pegawai Pemulihan telah mengesyorkan supaya "subjek menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan Pusat Serenti Gambang, Pahang selama dua tahun. Selepas itu diletakkan dibawah pengawasan seorang Pegawai menurut s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (pindaan) 1998, di Daerah Jerantut Negeri Pahang selama dua tahun."

Tentang ingredien (v) mengenai peluang membuat representasi, rekod prosiding (eks. "LYS2") bagi prosiding pada 28 Mac 2001 menunjukkan pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasi dan dengan peluang tersebut beliau telah memberitahu majistret bahawa beliau "tidak perlu khidmat peguam" dan mengatakan beliau "ingin bela diri sendiri" dan seterusnya membuat "rayuan pohon pengawasan".

Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa kelima-lima ingredien tersebut telah dipatuhi dan dipenuhi sebelum majistret berkenaan membuat perintah dibawah s. 6(1)(a) Akta berkenaan.

**Dakwaan-Dakwaan Atau Alasan-Alasan Pemohon**

Pemohon telah mengemukakan lima dakwaan sebagai alasan-alasan bagi permohonan beliau untuk mendapatkan perintah writ *habeas corpus*, seperti yang telah dinyatakan di atas.

Bagi alasan (i), pemohon mendakwa beliau tidak ditanya dan diberi peluang atau dimaklumkan bahawa beliau berhak membuat representasi melantik peguambela untuk mewakilinya, dan tidak ada jurubahasa Cina disediakan kerana beliau tidak fasih dan tidak faham Bahasa Melayu. Hakim Mustafa Hussain J di dalam kes *Hoo Thian Siong v. Public Prosecutor* [1988] 1

CLJ 176; [1988] 1 CLJ (Rep) 583 telah mendefinasikan "representation" bagi maksud s. 6(1) Akta tersebut, sebagai:

> Making representation here is not the same as making appeals or pleas. Making representation here means the right to protest, which by necessary implication and reading the context of Article 5(3) of the Federal Constitution, is a right to challenge whatever is being brought against him.

Definasi tersebut telah diterima pakai oleh hakim Suriyadi J di dalam kes *Mohd. Shahriman Mohd. Khairil v. PP & Anor* [1998] 2 CLJ 855 dan hakim Kang Hwee Gee J di dalam kes *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor v. Gurdeep Singh Atma Singh (supra).*

Walau bagaimanapun perlu ditegaskan di sini bahawa s. 6(1) Akta tersebut hanya memerlukan majistret memberi peluang kepada subjek berkenaan untuk membuat representasi (lihat kes: *Mahmod bin Jaudin v. Penguasa Serenti Sungai Besi Selangor* [1996] 3 AMR 2920). Seksyen tersebut tidak menghendaki majistret untuk menentukan subjek berkenaan mesti membuat representasi dalam apa keadaan sekalipun. Majistret hanya perlu memberikan peluang sedemikian kepada subjek sahaja. Terserahlah kepada subjek berkenaan untuk membuat representasi atau tidak. Berkaitan dengan itu, saya berpendapat bahawa majistret juga tidak bertanggungjawab untuk menerangkan atau memberi penjelasan terperinci kepada subjek tentang haknya untuk membuat representasi. Mengenai isu ini saya bersetuju dengan hakim Abdul Wahab J di dalam kes *Chew Kam Sing v. Ketua Institusi Pusat Pemulihan Kampung Selamat & Ors*. (Wilayah Persekutuan, Permohonan Jenayah No: 44-36-99) di mana beliau telah menyatakan:

> I would however hesitate to go so far as to say it is incumbent upon presiding Magistrate to explain the meaning of the word "representations" and the significance and purpose of making representations, "so that with the explainations, they would know their rights and the consequences of the proceedings. Every person is deemed to know the law, and ignorance of the law is no excuse.
>
> ... To explain the meaning of the word "representations", and the significance and purpose of making representations, so that with the explainations, the subjects would know his right and the consequences of the proceedings is, to my mind, to extent the duty of the Magistrate to the reason of giving legal advice, well beyond giving an opportunity to make representations.

Mengikut hakim Kang Hwee Gee J dalam kes *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor v. Gurdeep Singh Atma Singh (supra).*

I would add that so long as one can reasonably conclude by a close examination of the record (as in the instant case) that the detenu had been afforded the opportunity to make representation the requirement of s. 6(1) is satisfied.

Di dalam permohonan sekarang ini, saya berpuashati bahawa pemohon telah diberi peluang untuk membuat representasi di mana beliau telah menyatakan beliau "tidak perlu khidmat peguam" dan "ingin bela diri sendiri". Beliau juga merayu supaya diletakkan di bawah pengawasan. Dari kenyataan-kenyataan tersebut saya berpuashati bahawa pemohon faham apa yang dimaksudkan dengan "representasi" dan kesannya terhadap diri beliau di dalam prosiding berkenaan. Mengenai ketiadaan jurubahasa Cina, nampaknya tiada tanda-tanda yang menunjukkan pemohon telah meminta khidmat jurubahasa Cina kerana tidak faham Bahasa Melayu. Rekod prosiding tidak menyatakan perkara tersebut. Pemohon dan peguamnya juga tidak mempertikaikan kesahihan rekod prosiding yang diekshibitkan kepada afidavit perayu. Sejak 5 Mac 2001 sehingga perintah dibuat pada 28 Mac 2001, pemohon tidak menimbulkan perkara ini. Malahan mengikut prosiding bagi 5 Mac 2001, semasa pemohon pertama kali dibawa berjumpa majistret, rekod prosiding menunjukkan kenyataan "Bacakan Permohonan dibawah s. 4(1)(b) APD dan terangkan akibatnya kepada ODS" dan "ODS faham permohonan dan akibatnya". Juga ada dicatitkan "ODS tiada aduan". Bagi prosiding berikutnya, tiada yang menunjukkan pemohon perlukan jurubahasa Cina. Bagi prosiding pada 28 Mac 2001, cara pemohon membuat "representasi"nya tidak menunjukkan beliau tidak faham berbahasa Melayu. Oleh itu saya berpendapat dakwaan pemohon tentang perkara tersebut adalah tidak berasas.

Dakwaan (ii) ialah: Pegawai Perubatan telah gagal untuk mencatitkan dalam Borang 2 jenis dadah berbahaya yang digunakan oleh pemohon, yang menyebabkan pemohon menjadi penagih dadah. Soal pertama ialah samada Pegawai Perubatan mesti mencatitkan jenis dadah berkenaan di dalam Borang 2? Borang 2 memang mengesahkan bahawa subjek berkenaan "ialah seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta". Borang 2 adalah berkaitan s. 6(1) Akta tersebut. Di bawah s. 6(1) apa yang perlu dinyatakan ialah "pengesahan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan atau Pengamal Perubatan yang berdaftar bahawa "subjek adalah penagih dadah". Seksyen 6(1) tidak menghendaki Pegawai Perubatan berkenaan untuk mencatitkan 'jenis dadah berbahaya yang digunakan yang menyebabkan subjek menjadi seorang penagih dadah'. Ayat tersebut hanya terkandung di dalam Borang 2 sahaja. Itu pun dengan bertanda (**), dimana mengikut nota kaki di Borang 2 tersebut merujuk kepada "Potong jika orang itu bukanlah seorang penagih dadah atau jika tidak dapat ditentukan apakah jenis dadah yang

ditagihi olehnya". Oleh yang demikian saya berpendapat bahawa pengesahan Pegawai Perubatan di dalam Borang 2 masih sah walaupun jenis dadah yang berkenaan tidak dapat ditentukan dan tidak dicatitkan di penghujung kandungan Borang 2 tersebut. Walau bagaimanapun, dalam kes permohonan ini, di bahagian berkenaan Borang 2 tersebut ada dinyatakan "AIR KENCING ADA MENGANDUNGI MORFIN". Saya fikir catitan tersebut, kalau pun perlu dicatitkan, adalah mencukupi untuk mengenalpasti jenis dadah yang ditagihi oleh pemohon. Jadi, dakwaan berkenaan oleh pemohon juga tidak dapat diterima untuk menyokong permohonan beliau.

Dakwaan (iii) oleh pemohon ialah jenis dadah dalam rekod penggunaan dadah seperti dalam laporan Pegawai Pemulihan adalah bercanggah dengan Perakuan Tentang Penagihan Dadah oleh Pegawai Perubatan di dalam Borang 2. Di dalam perenggan 5 Laporan Pegawai Pemulihan ada dicatitkan bahawa "subjek mengaku terlibat dengan penagihan dadah jenis Heroin dan Ganja sejak 1990." Ini bukanlah merupakan rumusan atau keputusan (findings) oleh Pegawai Pemulihan. Ianya adalah merupakan "pengakuan" pemohon sendiri, yang dicatitkan secara terus oleh Pegawai Pemulihan. Catitan berikutnya di dalam laporan tersebut, Pegawai Pemulihan ada mencatitkan "Laporan doktor telah mengesahkan subjek sebagai seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, sub-s. 6(1). Urin didapati positif dengan morfin." Dengan catitan tersebut saya tidak dapati sebarang percanggahan di antara laporan tersebut dengan Perakuan Doktor (Borang 2) tentang jenis dadah yang dikatakan ditagihi oleh pemohon. Kes ini perlu dibezakan dengan keputusan hakim Kang Hwee Gee J dalam kes: *Majistret, Mahkamah Majistret Rawang & Anor v. Gurdeep Singh Atma Singh (supra)* mengenai isu yang sama. Di dalam kes tersebut, hakim telah membenarkan permohonan writ *habeas corpus* atas alasan terdapat percanggahan mengenai jenis dadah yang ditagihi seperti yang tercatit di antara Laporan Pegawai Pemulihan dan Perakuan Pegawai Perubatan (Borang 2). Di dalam kes itu, Borang 2 mencatitkan bahawa subjek berkenaan menagih dadah jenis Morphine, manakala di dalam laporan Pegawai Pemulihan dicatitkan pula "Pegawai Perubatan telah memperakui bahawa subjek menagih dadah jenis Heroin". Ini jelas sekali terdapat percanggahan. Sedangkan dalam kes sekarang ini, Perakuan Pegawai Perubatan dalam Borang 2 adalah selaras dengan apa yang dicatitkan oleh Pegawai Pemulihan iaitu "Urin (Air Kencing) mengandungi morfin".

Dakwaan atau alasan (iv) pemohon ialah tentang ketiadaan ujian-ujian yang diperlukan untuk menentukan samada beliau seorang penagih dadah dan beliau hanya dibawa berjumpa doktor hanya sekali untuk tempoh lima minit sahaja. Saya fikir dakwaan ini memang tidak berasas sama sekali. Seperti yang telah dinyatakan di atas, ujian yang perlu dalam perkara ini adalah ujian air kencing. Ini telah pun dijalankan keatas pemohon. Borang 1, Borang 2 dan Lampiran A, kesemuanya diekshibitkan kepada afidavit pemohon sendiri jelas membuktikan perkara ini. Untuk pemeriksaan 'physical' pula tidak perlu pemohon dibawa berjumpa doktor beberapa kali dan tidak perlu juga doktor menjalankan pemeriksaan berjam-jam lamanya. Kiranya tiada sebarang komplikasi, adalah mencukupi dan memadai pemohon dibawa berjumpa doktor hanya sekali, itu pun tidak perlu lama-lama.

Akhir sekali pemohon mendakwa bahawa rumusan dan syor Laporan Pegawai Pemsulihan tidak dibaca dan diterangkan kandungannya kepada pemohon serta laporan tersebut tidak diserahkan mengikut peruntukan perundangan. Dakwaan ini sebenarnya berlandaskan kepada s. 6(3) Akta tersebut yang telah pun dimansuhkan (deleted) melalui pindaan A 1018/98 yang mula berkuatkuasa pada 1 September 1998, "peruntukan perundangan" yang dirujuk oleh pemohon di dalam dakwaannya sebenarnya telah tidak wujud lagi sejak 1 September 1998. Seksyen 6(3) tersebut (yang telah pun dimansuhkan) menghendaki salinan laporan Pegawai Pemulihan diserahkan kepada subjek dan perlu dibaca dan diterangkan kepada subjek sebelum majistret membuat perintah di bawah seksyen tersebut. Seksyen 6 (yang baru dipinda pada 1 September 1998) laporan Pegawai Pemulihan tidak lagi perlu dibaca dan diterangkan kepada subjek dan tidak perlu diserahkan salinannya kepada subjek. Oleh itu saya memutuskan bahawa dakwaan atau alasan terakhir oleh pemohon ini juga tidak berasas dan tidak boleh diterima.

**Keputusan Mahkamah**

Berdasarkan pertimbangan di atas, saya berpendapat dan memutuskan bahawa Majistret Jerantut telah pun memenuhi dan mematuhi semua ingredien-ingredien yang diperlukan sebelum beliau membuat perintah di bawah s. 6(1)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ke atas pemohon pada 28 Mac 2001. Saya juga memutuskan semua alasan-alasan atau dakwaan-dakwaan oleh pemohon adalah tidak berasas dan tidak dapat diterima untuk membantu permohonan beliau. Oleh yang demikian saya memutuskan permohonan notis usul (kandungan 3) oleh pemohon untuk writ *habeas corpus* adalah ditolak.